

MAHATHIR-FEUDAL

1983

MELAKA, 19 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ZAMAN FEUDAL SUDAH LAMA BERLALU.

KATANYA NEGARA TIDAK BOLEH LAGI ADA SISTEM SEPERTI ITU MEMANDANGKAN KEADAAN SUDAH BERUBAH.

+ZAMAN DAHULU IAITU PADA ZAMAN HANG TUAH DAN HANG JEBAT, RAKYAT TIDAK MEMPUNYAI HAK TETAPI HARI INI KITA DAPAT LIHAT PEMBANGUNAN SELURUH NEGARA DISEBABKAN RAKYAT SENDIRI MENENTUKAN NASIB MEREKA SENDIRI.

+SUNGGUHPUN KITA MENGHORMATI HANG TUAH KERANA BEGITU TAAT HINGGA SANGGUP DIHUKUM BUNUH KERANA PERKARA REMEH-TEMAH, SEKARANG KEADAAN BERUBAH,+ TEGASNYA DI HADAPAN 80,000 ORANG YANG BERTAMPILAN DI PADANG PAHLAWAN DI SINI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS KEPADANYA KERANA BERJAYA MENYELESAIKAN ISU PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN NEGARA.

+KITA TIDAK BOLEH LAGI ADA SISTEM SEPERTI ITU. ZAMAN FEUDAL SUDAH BERAKHIR.+ -- LAGI 1930/ZCM

MAHATHIR-FEUDAL 2 MELAKA

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ADALAH PENTING SUARA RAKYAT DIPERTAHANKAN KERANA SEDIAPA YANG TIDAK MENGHORMATI RAKYAT AKAN MENGHADAPI MASALAH MEMANDANGKAN RAKYAT SEMAKIN BERTAMBAH.

+YANG LAIN-LAIN TIDAK BOLEH BERTAMBAH, KERANA TERHAD MENGIKUT YANG DITETAPKAN OLEH PERLEMBAGAAN, TETAPI RAKYAT SEMAKIN LAMA SEMAKIN RAMAI,+ TAMBAHNYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, JELASNYA PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN NEGARA YANG AKAN DATANG AKAN TERUS MENGHORMATI KEPUTUSAN PARLIMEN SEBAGAI KEPUTUSAN MUKTAMAD.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI BAWAH PINDAAN PERLEMBAGAAN, KUASA MENGISYTIHARKAN DARURAT ADALAH KUASA KERAJAAN YANG MEMBERI NASIHAT KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG.

+INI DIFAHAMI OLEH SEMUA. JIKA DULU TIDAK ADA FAHAMAN INI TETAPI SEKARANG SETELAH RAKYAT MENYATAKAN PENDIRIAN MEREKA, INI MENJADI TERANG.+

BELIAU MENSIFATKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN SEBAGAI SATU PELAJARAN KEPADA SEMUA IAITU KERAJAAN DAN LAIN-LAIN BAHAWA TIDAK PERLU BERBUAT SESUATU YANG MEMBAWA KEPADA KEGELISAHAN DARI KALANGAN RAKYAT.

-- LAGI 1950/ZI

### MAHATHIR-FEUDAL 3 MELAKA

+JIKA RAKYAT GELISAH, MACAM-MACAM BOLEH BERLAKU. JIKALAU MEREKA GAGAL, TENTU ADA DESAKAN UNTUK TINDAKAN LAIN YANG BOLEH MENDATANGKAN SUASANA YANG LEBIH BURUK KEPADA NEGARA.

+SYUKURLAH KITA TAK PERLU BERBUAT DEMIKIAN DAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH PINDAAN INI,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SISTEM CARA RAKYAT ADALAH MUDAH KERANA MEREKA BOLEH MEMILIH SESIAPA YANG DIFIKIRKAN SESUAI MEMERINTAH NEGARA.

+JIKA SAYA DIPILIH KEKAL SEBAGAI PERDANA MENTERI SEUMUR HIDUP SEHINGGA ANAK DAN CUCU SAYA DIPILIH SEBAGAI PERDANA MENTERI MUSNAHLAH NEGARA INI .. INI SAYA YAKIN.+

MEREKA YANG BERTAMPIL LALU MENJERIT: +KAMI MAHU MAHATHIR JADI PERDANA MENTERI SEUMUR HIDUP.+

TETAPI BELIAU MENJAWAB: +ITU MASA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SUKAKAN SAYA.+

BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK PERLU RAKYAT MENJERIT,+HIDUP MAHATHIR+ KERANA KATANYA BUKAN MAHATHIR BUAT RAKYAT TETAPI RAKYAT YANG MEMBUAT MAHATHIR (PERDANA MENTERI)

PERDANA MENTERI LALU MELAUNGKAN HIDUP RAKYAT DENGAN DIGAMPUT OLEH PARA HADIRIN SEBANYAK TIGA KALI. -- LAGI 1956/SA

### MAHATHIR-FEUDAL 4 MELAKA

+Pemerintahan saya kalau sudah tidak disukai oleh rakyat, mereka boleh suruh saya balik Alor Star semula bertanam padi atau memancing ikan,+

TETAPI KATA PERDANA MENTERI, SUNGGUHPUN BELIAU BOLEH DITUKARGANTI, RAKYAT MASIH KEKAL DI NEGARA INI. -- BERNAMA 2000/SA